

04/06/1997

Rasuah: Masa untuk bertindak (HL)

Izman Ismail; Radzi Wahab

SHAH ALAM, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan tidak lagi bertolak ansur terhadap salah laku rasuah, sama ada membabitkan kakitangan awam, ahli politik atau orang ramai, selepas amaran serta mesej yang jelas diberikan sebelum ini.

"Kerajaan sudah memberi amaran serta mesej yang cukup jelas dan terang pada masa lalu. Sekarang adalah masa untuk bertindak. Kita minta Badan Pencegah Rasuah (BPR) teruskan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya," kata Pemangku Perdana Menteri.

Beliau ditanya mengenai hasil siasatan BPR terhadap tujuh lagi aduan rasuah membabitkan ahli Exco beberapa kerajaan negeri selain bekas Exco Melaka, Datuk Sahar Arpan yang didakwa atas tiga tuduhan di Mahkamah Tinggi Melaka, semalam.

Sahar, 44, ahli Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal, dituduh melakukan perbuatan rasuah membabitkan kelulusan dua lot tanah. Beliau, yang digugurkan daripada senarai Exco Melaka pada 27 Mei lalu bagaimanapun tidak mengaku salah dan dibebaskan dengan ikat jamin RM300,000, manakala pasport antarabangsa dan terhadnya disimpan oleh mahkamah.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Muhammad Iqbal dan Kebangkitan Asia di sini hari ini, Anwar berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah dimaklumkan berhubung tuduhan rasuah terhadap Sahar.

Menurutnya, Perdana Menteri berbincang panjang lebar dengannya mengenai soal rasuah sebelum berlepas ke luar negara dan mereka sering berhubung untuk memaklumkan sebarang perkembangan.

"Kita sudah mengambil keputusan bersama untuk bertegas dan tidak bertolak ansur dengan salah laku dan perilaku rasuah. Kita bercakap mengenai masalah sosial dan kita sudah bagi amaran secukupnya. Ini adalah masa untuk bertindak ... mesej adalah jelas dan terang.

"BPR akan mendakwa sesiapa saja yang terbabit. Kita minta BPR teruskan siasatan dan pada masa yang sama, kita akan beri kuasa yang lebih dan kakitangan tambahan kepada agensi itu," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Sahar dalam parti ekoran tuduhan itu, Anwar yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Khamis ini.

"Saya pasti perkara berhubung kedudukan dan jawatan beliau akan dibangkitkan dalam mesyuarat MT. Kita akan bincang," katanya.

Anwar berkata, kerajaan bagaimanapun tidak akan mendedahkan nama mereka yang dikatakan terbabit dalam rasuah sebelum kesalahan itu terbukti dan mereka dihadapkan ke mahkamah.

Nama mereka tidak akan didedahkan semata-mata kerana ada aduan rasuah dan BPR menjalankan siasatan. Pendedahan hanya akan dibuat selepas siasatan selesai dan keputusan diambil untuk menghadapkan mereka ke mahkamah.

"Saya tak mahu nama baik mereka terjejas sebelum kesalahan mereka terbukti dan mereka dihadapkan ke mahkamah. Siasatan mengenai rasuah membabitkan aspek moral dan perundangan. Kita tidak patut terikat dengan sebarang tekanan sama ada media atau surat orang ramai.

"Kita berpegang kepada prinsip keadilan walaupun kita komited untuk membersihkan rasuah serta salah guna kuasa. Kita tidak boleh bertindak berdasarkan rungutan dan andaian," katanya.

Diminta menjelaskan kandungan surat yang dihantar oleh orang ramai

kepada kerajaan, Anwar berkata surat seumpama itu kerap membuat dakwaan mengenai rasuah dan salah guna kuasa.

Sehubungan itu, setiap aduan perlu diteliti kerana ada kecenderungan pihak tertentu membuat tuduhan dan melemparkan fitnah.

"Dari dulu lagi, kita terima surat seperti ini, ada orang minta tanah, dia tak dapat, dia buat fitnah, dia mohon kontrak, tak dapat, dia boleh buat fitnah. Kadang kala betul ada rasuah dan kadang kala tidak ada.

"Saya tahu masyarakat berasa tindakan perlu diambil tapi masalahnya ialah bukti dan maklumat. Saya tidak mahu kerana keghairahan, menyebabkan kita tidak berlaku adil," katanya.

(END)